

Empat lagi kontrak MRT Sungai Buloh-Kajang diagih

Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) memberikan empat lagi kontrak bagi pakej kerja projek MRT Sungai Buloh-Kajang dengan nilai keseluruhan RM767 juta.

Ia susulan mesyuarat Jawatankuasa Pemerolehan Sehenti (OSTC) di Putrajaya, yang dipengerusikan Menteri Kewangan Kedua Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah.

MRT Corp dalam kenyataannya semalam berkata, jawatankuasa itu memberi TSR Bina Sdn Bhd Pakej MSPR1 bagi membina dan menyiapkan bangunan tempat meletak kereta bertingkat, kerja luaran dan kerja berkaitan lain di Stesen Sungai Buloh yang bernilai RM117.1 juta.

Bagi pakej itu, jawatankuasa berkenaan menerima bidaan daripada 17 pihak.

TSR Bina juga mendapat Pakej DPT2 bagi membina dan menyiapkan Depot Penyelenggaraan Kajang, bangunan pentadbiran, kerja luaran dan yang berkaitan bernilai RM212.8 juta.

Pakej DPT2, yang adalah pakej untuk syarikat Bumiputera, menerima bidaan daripada tujuh daripada lapan penender yang melepasi proses prakelayakan, katanya.

MRT Corp berkata, jawatankuasa itu memberikan Naim Engineering Sdn Bhd Pakej S4, bagi membina dan menyiapkan stesen bertingkat serta kerja berkaitan lain di Seksyen 16, Pusat Bandar Damansara dan Semantan yang bernilai RM208.2 juta.



FAKTA NOMBOR

RM117.1
juta

kerja membina dan menyiapkan bangunan tempat meletak kereta bertingkat, kerja luaran dan kerja berkaitan lain di Stesen Sungai Buloh

IJM Construction Sdn Bhd pula, katanya memperoleh kontrak bagi Pakej S5, membabitkan pembinaan dan penyiapan bagi stesen Taman Bukit Ria, Taman Bukit Mewah, Leisure Mall dan Plaza Phoenix, bernilai RM228.9 juta.

Pakej S4, yang adalah pakej terbuka, menerima 11 daripada 14 penender prakelayakan, manakala Pakej S5, yang juga pakej terbuka, menerima lapan daripada 14 penender prakelayakan.

MRT Corp berkata, dengan pemberian pakej kerja itu, kedua-dua pakej depot bagi projek MRT Sungai Buloh-Kajang telah diberikan.

Bagi Pakej MSPR1, ia adalah pakej meletak tempat kereta bertingkat yang pertama daripada sembilan pakej yang akan diberikan manakala baki lapan pakej akan ditender tidak lama lagi.

Pakej S4 dan S5 pula adalah dua pakej pertama daripada lapan pakej stesen bertingkat yang akan diberikan bagi projek itu.